

Newspaper	Berita Harian
Date	8/12/2012



Dr Mahathir dan isteri mendengar penerangan Abdul Azeez (kiri) mengenai **bantuan yang bakal dihantar ke Gaza** di KLIA, Sepang, semalam.

[FOTO FARIZ ISWADI ISMAIL/BH]

BH-8/12/12

## Pelbagai kaum sertai misi Gaza

**Sepang:** Misi Kemanusiaan Larian Ke Gaza Gelombang Kedua yang disertai sukarelawan pelbagai kaum menunjukkan kesatuan rakyat Malaysia dalam memberi bantuan kemanusiaan tanpa mengira agama.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata beliau bangga kerana misi kali ini disertai bukan Muslim bagi membantu umat Islam yang tertindas di Palestin.

Ramai antara mereka yang

menyertai misi ini tidak memikirkan pasal kaum tetapi menganggap ia satu penganiayaan terhadap manusia, soal kemanusiaan yang wajar mendapat bantuan.

### Kesepakatan jadi teladan

"Memang patut kita bersatu, sebagai rakyat Malaysia kita perlu membantu dan memberi contoh kepada negara lain," katanya pada majlis pelepasan misi kemanusiaan itu di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA)

di sini, semalam. Hadir sama Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom dan Pengerusi Kelab Putera 1Malaysia, Datuk Abdul Azeez Rahim.

Misi di bawah Kelab Putera 1Malaysia (KP1M) disertai 64 orang, termasuk 19 doktor pakar untuk memberi bantuan kepada rakyat Palestin.

Azeez berkata, ini misi ke-29 kelab itu dan buat kali kedua ke Gaza.

"Enam sukarelawan Kelab Putera 1Malaysia (KP1M) ber-

lepas ke Gaza lebih awal bagi memantau keadaan dan mengenal pasti bantuan diperlukan rakyat Palestin di Gaza.

"Kita membawa bersama 4.5 tan barangan merangkumi ubat-ubatan, kerusi roda, selimut dan beberapa lagi barangan keperluan yang diperlukan di sana," katanya.

Azeez berkata, bekalan makanan yang dibawa itu diharapkan dapat diagihkan kepada kira-kira 40,000 keluarga di Gaza. Turut menyertai misi ialah Mufti Perlis, Dr Juanda Jaya.